



MACAM BENDANG... tanah lumpur di Persiaran Putra Bahagia, Putra Heights.

Tsunami dari bukit

Metro 4/1/13
MS 4.

Lima kereta, sebuah van, motosikal rosak diselaputi tanah runtuh melimpah ke jalan raya

SUBANG JAYA: "Ketika memandu kereta, tiba-tiba saya melihat tanah lumpur seperti ombak tsunami datang dari bukit berhampiran dan menimbus kereta saya. Beberapa saat kemudian, satu lagi runtuhan berlaku dan tanahnya mengghala ke arah kereta saya.

"Tanpa berfikir panjang, saya menarik tangan isteri dan keluar dari kereta untuk menyelamatkan diri," kata Abdul Talib Ramli, 59, seorang daripada lapan mangsa kejadian tanah lumpur di Persiaran Putra Bahagia, Putra Heights, di sini, jam 6.15 petang semalam.

Dalam kejadian itu, lima kereta, sebuah van dan sebuah motosikal diselaputi lumpur akibat runtuhan ta-



nah dari Bukit Cermin yang jatuh ke dalam takungan air di kaki bukit sebelum melimpah atas jalan.

Abdul Talib berkata, ketika

kejadian, dia bersama isteri, Siti Laila Othman, 57, dalam perjalanan dari tempat kerja ke rumah di Putra Heights.

"Keadaan cuaca ketika itu

cerah dan tidak hujan," katanya yang memberitahu turut melihat jelas sebuah Perodua Viva dan Toyota Vios yang melalui jalan sama 'bermandi' lumpur.

Menurutnya, semua kenderaan terbabat tersekat di tengah jalan namun semua pemilik sempat melarikan diri dengan keluar dari kenderaan.

Beliau berkata, dua daripada kereta terbabat terseret beberapa meter dan mengalami kerosakan.

"Saya bersyukur sempat menyelamatkan diri bersama isteri. Jika tidak limpahan lumpur itu boleh mengheret kereta kami jatuh ke kawasan bukit berhampiran.

"Isteri luka kecil di kaki ketika saya menyelamatkannya," katanya yang masih trauma.

Menurutnya, jumlah keru-

Guna jalan alternatif

SUBANG JAYA: Polis menasihatkan penduduk Putra Heights, di sini, menggunakan jalan alternatif dan tidak melalui Persiaran Putra Bahagia selagi kerja penilaian keselamatan struktur tanah belum selesai.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Yahaya Ramli berkata, pihak berkuasa tempatan serta pemaju akan menilai semula struktur tanah bagi memastikan keselamatan

11,000 penduduk sekitar Putra Heights terjamin.

Katanya, polis dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) akan memantau keselamatan dengan mendirikan bilik gerakan berhampiran kawasan runtuhan.

"Polis akan meletakkan anggota bagi memantau kawasan kejadian. Sehingga siasatan selesai, kami meminta penduduk menggunakan jalan lain," katanya.

gian dialami belum diketahui kerana enjin keretanya turut dimasuki lumpur.

Usaha wartawan untuk menemuramah mangsa lain gagal kerana difahamkan kebanyakan mereka meninggalkan kenderaan masing-masing untuk menguruskan kerja menundanya ke bengkel berhampiran.

Tinjauan di sekitar tempat kejadian mendapati tanah lumpur sedalam satu meter melimpah ke laluan utama sehingga jarak 500 meter.

Jalan berkenaan juga ditutup kepada kenderaan awam bagi membolehkan kerja pembersihan dijalankan pemaju.

Sehingga jam 9.30 malam tadi, kerja pembersihan giat dijalankan berikutan jalan berkenaan laluan utama penduduk Putra Heights untuk ke Alam Megah, Bukit Lanchong dan lebuh raya berhampiran.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Yahaya Ramli berkata, setakat ini, kejadian berkenaan tidak membabitkan kemalangan jiwa.

"Kami percaya kejadian berpunca dari musim hujan berterusan mengakibatkan tanah runtuh sebelum memasuki kolam takungan air di bahagian bawah Bukit Cermin berkenaan.

"Bagaimanapun, kami menunggu siasatan menyeluruh pihak berkuasa tempatan mengenai keselamatan kawasan ini dan semua kerja pembinaan di kawasan terbabat akan dihentikan sepenuhnya," katanya.



ROSAK....kereta yang diselaputi lumpur di tempat kejadian, semalam.

HM e-Paper



Untuk lebih gambar dan video sila layari subscription.nstp.com.my